

73% keluar mengundi pilih barisan kepimpinan mahasiswa UMP



Pilihan Raya Kampus Universiti Malaysia Pahang (UMP) berlangsung dalam suasana aman dan terkawal apabila seramai 6,399 orang pelajar atau 73 peratus hadir mengundi memilih barisan kepimpinan mahasiswa melibatkan dua pusat undian di Pusat Aktiviti Pelajar UMP Pekan dan Dewan Astaka, UMP Kampus Gambang pada 28 November 2013 yang lalu.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrrie Zainuddin merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Pemilihan MPP UMP, program dimulakan dengan taklimat tatacara undian secara *on-line* kepada calon yang bertanding.

“Sesi pemilihan masih menggunakan *e-Voting* seperti mana yang dilaksanakan sejak tahun 2003 bagi memudahkan proses pengundian serta mendapatkan keputusan dengan segera.

“Mahasiswa keluar memilih pemimpin mereka seawal jam 9.00 pagi dan proses pengundian berakhir jam 5.00 petang.

“Pelajar telah mematuhi segala peraturan yang telah dikeluarkan oleh pihak Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni (SAFFAD),” katanya sambil memuji sikap mahasiswa yang sentiasa memastikan proses pilihan raya berjalan lancar.

Tambahnya lagi, pada tahun ini menyaksikan seramai 39 calon bertanding bagi merebut 16 kerusi fakulti dan lapan kerusi umum.

Pilihan raya kampus kali ini menyaksikan pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik &

Elektronik (FKEE) iaitu Nurdiyana Zahed yang berkempen dengan manifesto ‘Mahasiswa Pencetus Modal Insan Cemerlang’ mendapat undi tertinggi iaitu sebanyak 5,162 bagi kerusi umum.

Ini diikuti dengan Ammar Shahidan, Mohamad Rahmat Razali dan Mohamad Nabil Muhamad. Lain-lain yang menang adalah Goo Boon Chin, Muhammad Khunais Nizamuddin Nazri, Nur Amalina Syahira Jubri dan Mohamad Amirul Anuar.

Selain itu, seramai lapan orang calon fakulti diumumkan menang tanpa bertanding. Mereka terdiri daripada Muhammad Amirul Aizat Azaharudin dan Muhamad Akram Izzuddin Razali dari FKEE, Rosshila Idris dan Afiq Hafizi Azizi dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Muhammad Azril Amir Zakariah dan Armi Ain Farisha Azmi dari Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Rohayu Md Isa dan Siti Aishah Arman dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP).

Manakala bagi kerusi Fakulti Kejuruteraan Awam & Sumber Alam (FKASA) dimenangi oleh Mohd Syukran Ab Razak dan Muhammad Aizat Azed, manakala bagi kerusi Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI) pula dimenangi oleh Siti Norfaezah Md Tahir dan Shahmini Mohamad Fauzi.

Turut menang dalam pilihan raya ialah Adrian Yong Weng Hoong dan Muhammad Azzam Abd Razak dari Fakulti Sistem Komputer & Kejuruteraan Perisian (FSKPP) serta Noor Anisma Aziz dan Qamaruddin Mohd Fauzi memenangi kerusi Fakulti Teknologi (FTek).

